

Sembilan Staf UMS Sedia Galas Cabaran Dalam Kuching Marathon 2019

Terakhir dikemaskini: Khamis, 15 Ogos 2019 16:39 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 97

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


KHAMIS, 15 OGOS –
Sembilan orang staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal menggalas cabaran membawa nama UMS dalam Kejohanan Kuching Marathon 2019 yang akan berlangsung pada 18 Ogos ini di Kuching, Sarawak.

Kumpulan pelari UMS adalah terdiri daripada gabungan kakitangan akademik dan Kumpulan Pegawai Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana yang diketuai oleh Pensyarah Kanan Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Dr. Mohamad Nizam Nazarudin.

Menurut Dr. Mohamad Nizam, penyertaan mereka dalam acara tahunan tersebut adalah satu usaha untuk menyatukan kakitangan dari pelbagai perkhidmatan bersatu sebagai pasukan.

“Kumpulan pelari ini bersemangat tinggi untuk mengibarkan bendera UMS dalam satu kejohanan berprestij, selain mahu menjadi *role model* kepada kakitangan-kakitangan yang lain,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Pelepasan UMS Runners Ke Kuching Marathon 2019 yang disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin di Bilik Mesyuarat Lembaga, UMS petang tadi.

Dalam majlis itu juga Pendaftar UMS, Vina Zahriani Yusof memuji usaha kontingen UMS dalam menyertai acara larian maraton yang dilihat mampu memotivasi kakitangan lain untuk turut menyertai aktiviti sukan selain memupuk gaya hidup sihat menerusi acara sukan.

“Ini adalah selari dengan Strategi Utama dalam Bidang Keberhasilan Utama (KRA) Keempat UMS yang mempromosi budaya sihat bagi memastikan sumber manusia mempunyai tahap kesihatan yang baik sekali gus meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.

“Jabatan Pendaftar UMS bersama-sama dengan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan juga telah mengadakan perbincangan berkaitan perancangan aktiviti seperti *Fun Run* dan *Fun Walk* dalam program My Health For You bagi menjayakan lagi usaha tersebut, serta menimbalangkan cadangan pengiktirafan kepada kakitangan dalam penglibatan sukan menerusi pencalonan anugerah khas kelak,” katanya.

Sementara itu, Prof. Dr. Taufiq Yap turut menyokong penglibatan aktif kakitangan UMS dalam penyertaan acara sukan seperti itu.

Katanya, usaha ini merupakan langkah yang tepat dalam memupuk penyatu paduan melalui sukan.

“Ini merupakan satu permulaan yang baik dalam mengangkat nilai keharmonian dalam kepelbagaian dalam kalangan warga UMS.

“Universiti juga menyokong usaha-usaha yang boleh membawa nama baik UMS ke serata dunia termasuk melalui penglibatan acara sukan,” ujar Prof. Dr. Taufiq Yap.

Pada majlis tersebut, penyerahan pakaian sukan kepada peserta larian dilakukan oleh Vina, manakala penyerahan bendera UMS kepada kontinjen UMS disempurnakan oleh Prof. Dr. Taufiq Yap.